

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

**TNC (A&A) mewakili NC**

---

## **KARNIVAL FTMK**

**27 April 2016, 10.00 pagi, FTMK**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Terima kasih kepada Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Datuk ' Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah,**  
Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Malaysia (MOSTI)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Burairah bin Hussin,**  
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTeM.

Barisan Ahli Sekreteriat Karnival FTMK 2016, para pensyarah ,  
mahasiswa/i serta hadirin dan hadirat yang dihormati.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah ini sempena Majlis Perasmian sempena Karnival FTMK 2016.
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan salam dari Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM. Beliau mohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama kita pada pagi ini kerana terdapat urusan rasmi lain yang telah dijadualkan. Beliau berharap agar program pada pagi ini berjalan lancar, mencapai objektif dan mendapat keberkatan Illahi.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri MOSTI di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini. Saya yakin dengan kehadiran Timbalan Menteri MOSTI pada pagi ini, akan memberi galakan dan menjadi pembakar semangat kepada siswa dan siswi khususnya di FTMK terus berjaya di dalam akademik dan penyelidikan terutamanya di dalam bidang ICT.
4. Bagi pihak Universiti, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para tetamu yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada pagi ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Sebagai makluman, program Karnival FTMK ini merupakan program yang julung kalinya dianjurkan oleh pihak FTMK. Tujuan penganjuran Karnival selama dua hari ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim di antara pihak pengurusan fakulti dan mahasiswa di universiti ini khususnya di FTMK.
6. Tambahan pula, pengendalian program yang bersifat besar seperti karnival ini amatlah digalakkan kerana ia mampu memberi pendedahan dan pengalaman yang bermakna kepada mahasiswa dalam aspek pengurusan, kepimpinan, perancangan dan pelaksanaan. Ia juga mampu menyuntik semangat positif dan keyakinan diri dalam menjayakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan, sekali gus dapat membentuk keperibadian mahasiswa UTeM ke arah

kecemerlangan dan kegemilangan seperti mana yang dihasratkan oleh Universiti dan pihak Kementerian.

7. Selain daripada itu, kerjasama antara ahli kumpulan adalah sangat penting untuk diaplikasikan. Ini kerana, kejayaan sesuatu majlis atau acara bergantung kepada komitmen yang ditunjukkan oleh ahli kumpulan. Menerusi kerja secara berkumpulan, pelbagai idea dan maklumat baru dapat dikongsi bersama sekaligus dapat memberi pendedahan dan kemahiran baru kepada ahli kumpulan. Lebih daripada itu, ia juga turut memberi pengalaman yang amat bernilai, di mana setiap ahli pasukan akan bertungkus-lumus dalam merealisasikan segala perancangan yang telah ditetapkan sehingga berjaya.

8. Semangat dan nilai murni yang terbina ini akan membentuk entiti yang dapat menyatukan perbezaan pendapat dan pemikiran, seterusnya menyemai sikap saling membantu, kepimpinan yang cekap, kreativiti, membina keyakinan diri serta cara berinteraksi yang berkesan. Namun, apa yang penting, penglibatan dari semua pihak dalam aktiviti seperti ini dapat mengharumkan nama UTeM secara amnya dan FTMK secara khususnya ke tahap yang lebih membanggakan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Akhir kata, saya mewakili pihak Universiti mengucapkan jutaan terima kasih, syabas dan tahniah kepada barisan Ahli Sekreteriat Karnival FTMK 2016 kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada pagi ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

10. Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, majlis besar seumpama ini sukar dilaksanakan. Ibarat kata pepatah, “Pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama.”

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr.  
wbth.Terima kasih.



Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan program Akses Green School 2016, SMK Ayer Keroh.

Sekian, terima kasih.